

# RM152 juta tingkatkan keselamatan Selat Melaka

UM - 21/9/2006

KUALA LUMPUR 20 Sept. - Malaysia, Singapura dan Indonesia memerlukan RM152 juta bagi menjayakan enam cadangan dalam usaha meningkatkan tahap keselamatan dan penjagaan alam sekitar di perairan Selat Melaka.

Pengarah Bahagian Keselamatan Maritim, Pertubuhan Maritim Antarabangsa (IMO), Koji Sekimizu berkata, selain ketiga-tiga negara pesisir tersebut, pembabitan negara pengguna dan negara yang mempunyai kepentingan terhadap Selat Melaka dalam menjayakan misi itu, juga dialu-alukan.

"Perbincangan dengan negara-negara terlibat setakat ini menunjukkan tanda-tanda positif dan IMO akan terus memantau perkembangan cadangan tersebut," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar penutupan Mesyuarat Selat Melaka dan Singapura di Kuala Lumpur: Meningkatkan Keselamatan, Keamanan dan Memelihara Alam Sekitar, di sini hari ini.

Mesyuarat tersebut selain dihadiri wakil tiga negara perairan Selat Melaka, turut disertai oleh delegasi daripada 31 buah negara lain.

Koji berkata, antara kandungan enam cadangan tersebut ialah menggantikan kemudahan pelayaran di perairan itu yang musnah ekoran tsunami dan membuang kapal-kapal yang ranap atau tenggelam melalui Skim Pengasingan Lalu Lintas di Selat Melaka dan Singapura.

"Satu sistem pengukuran angin, penanda pasang surut dan arus akan diwujudkan, di samping projek demonstrasi sistem pengenalan automatik untuk mengesan kapal-kapal kecil yang melalui selat itu," jelasnya.

Selain itu kata beliau, peruntukan itu juga akan digunakan bagi menyelenggara alat-alat bantuan pelayaran di Selat Melaka dan Singapura.

"Ketiga-tiga negara juga kerjasama dalam membuat persediaan menghadapi ancaman bahan beracun dan bersifat pemusnah (HNS) yang dikesan di selat itu.

"Cadangan tersebut mengambil masa lebih kurang lima tahun bergantung kepada ketiga-tiga negara dan kesediaan negara-negara pengguna menjayakannya," ujar beliau.